

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 OKTOBER 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 33

Petronas bantu agensi penyelamat hadapi banjir



Petronas bantu agensi penyelamat hadapi banjir

PETRONAS menyampaikan sumbangan kepada agensi penyelamat untuk membantu agensi berkenaan membuat persediaan menghadapi banjir di Terengganu pada musim tengkujuh, tidak lama lagi.

Sumbangan tersebut termasuk empat unit bot yang dilengkapi dengan enjin, tangki bahan api, kemudahan roda mudah alih, 1,000 unit khemah, 700 unit jaket keselamatan dan 7,000 helai baju hujan.

Petronas berharap agar sumbangan yang disampaikan itu dapat membantu agensi penyelamat dalam membuat operasi sepanjang musim tengkujuh.

■ PENGURUS Besar Petronas Pantai Timur, Mohammad Ahmad Shazly Ramli (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan Petronas untuk persediaan menghadapi banjir kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Datuk Tengku Farok Hussin Tengku Abdul Jalil (tengah) di Kuala Terengganu, baru-baru ini.